

# UMS, CSM wujud Klinik Kesihatan Siber pertama di Borneo

NST 27.2.2018 8

OLEH VESTA VANESSA JSOL

**KOTA KINABALU:** Usahasama Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan Cybersecurity Malaysia (CSM) wujudkan Klinik Keselamatan Siber pertama di Borneo.

Dijangka akan mula beroperasi pada 15 April depan, usaha sama itu direalisasikan melalui Memorandum Perjanjian (MoA) di antara Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI), UMS dengan agensi di bawah Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI), CSM pada Ahad, lalu.

MoA ditandatangani oleh Naib Canselor UMS, Prof D Kamaruddin D Mudin dan Ketua Eksekutif, Dato Amirudin Abdul Wahab, disaksikan oleh Menteri MOSTI, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau.

Naib Canselor UMS, Prof D Kamaruddin D Mudin, berkata Klinik Keselamatan Siber akan menyediakan platform bagi seluruh rakyat Sabah amnya dan warga UMS khasnya untuk mendapatkan bantuan dan khidmat dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan perkhid-

matan forensik digital, pada kos yang kompetitif.

D Kamarudin menambah, Klinik Kesihatan Siber yang kini dalam proses pembangunan di FKI merupakan satu inisiatif dari UMS untuk menyediakan satu perkhidmatan forensik digital yang mudah dipercayai.

Objektif utama penubuhan adalah untuk membantu mereka yang memerlukan pembaikpulihan maklumat asset atau data daripada pemacu keras yang telah rosak.

Antara perkhidmatan yang ditawarkan seperti pemulihan data, sanitasi data dan perkhidmatan konsultansi bukan sahaja kepada agensi kerajaan, malahan syarikat swasta dan orang awam.

Inisiatif ini dilaksanakan di bawah program Pembangunan Usahawan MyCyberSecurity (MyCSC) merupakan satu program perkembangan cawangan MyCSC yang telah dibangunkan oleh pihak CSM.

“Program ini bermatlamat untuk menyerapkan pembangunan keusahawanan khusus dalam bidang keselamatan siber di seluruh Malaysia.



BERTUKAR DOKUMEN...Pertukaran dokumen MoA diantara wakil daripada UMS dan CSM sambil disaksikan oleh Madius.

“Melalui klinik ini, ia juga menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran terutamanya dalam bidang berkaitan dengan keselamatan siber dan memberikan pendedahan secara praktikal kepada pelajar, seterusnya menjadikan UMS sebagai university awam pertama di Malaysia yang mempunyai program seumpama.”

Tambah beliau, inisiatif ini juga dilihat sebagai salah satu usaha universiti mempelbagaikan sumber penjanaan pendapatannya.

“Selari dengan hasrat UMS kearah transformasi Universiti Industri 4.0, inisiatif ini juga akan memberi pendedahan kepada penyelidik tentang potensi penyelidikan berkaitan dengan keselamatan

siber yang mana potensi kajian kes dan data-data penyelidikan boleh diperoleh dengan lebih mudah.

Sementara itu, Amirul berkata Klini8k Keselamatan Siber merupakan inisiatif CSM yang dibangunkan khusus sebagai ‘touch point’ kepada pengguna internet Malaysia.

“Mereka juga boleh mendapatkan perkhidmatan berkaitan keselamatan siber serta bantuan kecemasan siber seperti melaporkan insiden serta ancaman keselamatan siber dengan lebih mudah.

“Saya berharap agar kerjasama ini dapat melestarikan bidang keselamatan siber di Malaysia, khususnya di negeri Sabah.”